

## HAMBATAN MEMAHAMI BAHASA: SATU PENELITIAN KE ATAS TEKS BERITA DALAM TALIAN BERBAHASA INDONESIA, TEMPO.CO

KARTINI ABD. WAHAB & ZULKIFLEY HAMID  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

### **Abstrak**

Bahasa Melayu di Malaysia dan Indonesia, tergolong dalam satu keluarga bahasa yang sama iaitu Austronesia. Namun, kesan pergolakan politik semasa penjajahan Inggeris-Belanda, sehinggalah selepas kemerdekaan kedua-dua buah negara, Bahasa Melayu di Malaysia dan Indonesia berkembang mengikut acuan masing-masing, sehingga wujud perbezaan antara kedua-duanya. Perbezaan ini kadang-kala menimbulkan hambatan dalam komunikasi antara penutur kedua-dua bahasa. Dari segi wacana tulisan contohnya, penutur Bahasa Melayu di Malaysia dikatakan menghadapi kesukaran dalam memahami teks dalam Bahasa Indonesia. Sehubungan itu, makalah ini bertujuan untuk membincangkan hambatan dalam memahami Bahasa Indonesia. Objektif utama penelitian ini adalah untuk mengenal pasti dan menghuraikan aspek bahasa yang menjadi hambatan dalam memahami Bahasa Indonesia. Untuk tujuan tersebut, analisis dilakukan ke atas teks berita daripada portal berita dalam talian Indonesia iaitu *Tempo.Co*. Teks berita dikutip daripada pelbagai ruangan yang disiarkan dalam *Tempo.Co*, antara Jun hingga Julai 2015. Hasil penelitian mendapati bahawa terdapat empat aspek perbezaan yang menjadi hambatan dalam memahami Bahasa Indonesia iaitu perbendaharaan kata, imbuhan, akronim dan kata pinjaman.

**Kata kunci:** *Hambatan, Melayu, bahasa Melayu Malaysia; bahasa Indonesia, Tempo.Co*

## BARRIERS IN UNDERSTANDING LANGUAGE: A STUDY ON INDONESIAN LANGUAGE ONLINE NEWS TEXTS PORTAL, *TEMPO.CO*

### **Abstract**

The Malay language in Malaysia and that in Indonesia belong to the same Austronesian language family. However, due to political upheaval during the Dutch-English colonization in Indonesia and Malaysia respectively, until after their independence, the Malay languages in Malaysia and Indonesia have evolved separately, creating differences between the two. These differences are sometimes causing barrier in communication between speakers of both languages. In the written text for example, a Malaysian Malay speaker is known to struggle understanding an Indonesian text. Thus, this paper discusses the issue of barriers in understanding Indonesian language. The main objective of this study is to identify and clarify the aspects of language that becomes barriers in understanding Indonesian Malay texts. For this purpose, news text from an Indonesian online news portal *Tempo.Co* are analyzed. The texts collected are from various sections of the news that were published in *Tempo.Co*, between June and July 2015. The results showed four types of differences that contributes to barriers in understanding texts in Indonesian, specifically vocabulary, affixes, acronyms and loan-words.

**Keywords:** *Barriers, Malay, Malay language; Indonesian language; Tempo.Co*

### **PENGENALAN**

Komunikasi ialah proses penyampaian atau pemindahan maklumat, idea, perasaan dan buah fikiran daripada satu pihak kepada satu pihak yang lain. Menurut Sulaiman Masri (1997), komunikasi bermula apabila suatu mesej atau maklumat daripada pihak pengirim (penutur atau penulis), dipindahkan menerusi saluran yang tertentu kepada pihak penerima (pendengar atau pembaca), yang bertindak mentafsir mesej atau maklumat tersebut. Sehubungan itu, penggunaan bahasa yang baik dan sesuai sama ada dalam konteks lisan mahupun tulisan adalah penting, bagi memastikan mesej atau maklumat yang ingin disampaikan dapat difahami oleh khalayak. Walau bagaimanapun dalam komunikasi seharian, sering kali berlaku hambatan atau halangan dari segi bahasa yang boleh

mengakibatkan matlamat sesuatu komunikasi itu tidak tercapai sepenuhnya.

Sebagai contoh, hambatan kebahasaan yang berlaku dalam konteks Bahasa Melayu yang dituturkan oleh penutur dari Malaysia dan penutur dari Indonesia. Dalam Bahasa Melayu Malaysia dan Bahasa Indonesia, walaupun kedua-dua bahasa ini mempunyai perkataan yang sama namun terdapat perbezaan dari segi maksud mahupun konteks penggunaan perkataan yang tertentu dalam kedua-duanya. Misalnya dalam Bahasa Melayu, kata *pelatih* merujuk kepada orang atau 'pihak yang dilatih', atau orang yang sedang mengikuti latihan tertentu, misalnya bakal doktor yang mengikuti latihan praktikal di hospital. Dalam Bahasa Indonesia pula, kata *pelatih* merujuk kepada 'pihak atau orang yang melatih', misalnya pelatih 'sepak bola' (jurulatih bola sepak), iaitu orang yang melatih pemain bola sepak; atau pelatih kuda iaitu 'orang yang melatih kuda'. Justeru dalam situasi sebenar, katakan terdapat penutur daripada dua buah negara ini berkenalan dan berkomunikasi untuk kali pertama; penutur dari Malaysia memperkenalkan dirinya sebagai seorang doktor pelatih, manakala penutur dari Indonesia memperkenalkan dirinya sebagai pelatih sepak bola, pastinya timbul kesalahfahaman maksud antara kedua-dua pihak tersebut, apabila penutur dari Indonesia mentafsir bahawa rakan Malaysiannya adalah seorang doktor yang bertanggung-jawab melatih para bakal doktor atau calon doktor, sedangkan penutur dari Malaysia pula mentafsir bahawa rakan Indonesiannya mempunyai kerjaya sebagai seorang pelatih bola sepak yang mengikuti latihan bola sepak.

Jika ditinjau dari segi linguistik, Bahasa Melayu varian Indonesia dan Malaysia berasal daripada satu rumpun bahasa yang sama iaitu rumpun Austronesia. Dalam perkembangan linguistik moden, Bahasa Melayu telah dipilih sebagai asas dalam merekonstruksi bahasa purba sehingga seluruh keluarga bahasa yang dianggotai oleh Bahasa Melayu dinamakan sebagai kelompok keluarga Melayu-Polinesia, yang kini dikenali sebagai Austronesia (Collins, 2007). Ditelusuri dari segi perkembangannya pula, Bahasa Melayu telah digunakan dalam pentadbiran, perdagangan dan perhubungan umum sejak abad ke-7 sehingga ke-13 Masihi, semasa zaman kerajaan Sriwijaya di Palembang (Nik Safiah et al., 2008). Kepentingan Bahasa Melayu terus terserlah pada zaman kerajaan Melayu Melaka pada sekitar abad ke-15, apabila bahasa ini menjadi *lingua franca* di kepulauan Melayu pada masa tersebut. Walau bagaimanapun, pergolakan politik lampau yang melanda Nusantara pada zaman penjajahan Inggeris-Belanda, sehinggalah zaman selepas kemerdekaan kedua-dua buah negara, akhirnya menyebabkan Bahasa Melayu di Malaysia dan Indonesia berkembang dalam wilayahnya masing-masing. Bahasa Melayu yang dikenali sebagai 'Bahasa Indonesia' menjadi bahasa persatuan (pemersatu) bagi negara Indonesia pada tahun 1928 (Sumpah Pemuda, 3) dan dimaktubkan sebagai bahasa negara pada tahun 1945 (Pasal 36). Di Malaysia pula, Bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa kebangsaan seperti yang ditetapkan dalam Perkara 152 Perlembagaan Malaysia (1957) dan Akta Bahasa Kebangsaan (1963/67). Selaras dengan itu, Bahasa Melayu di kedua-dua buah negara ini terus mengalami

pembinaan dan perkembangan masing-masing sehingga wujud perbezaan antara kedua-duanya. Sebagai contoh dari segi sistem ejaan, Bahasa Melayu varian Indonesia dipengaruhi oleh sistem ejaan dan sebutan bahasa Belanda, contohnya perkataan *televisi*, *universitas* dan *ide*, sedangkan Bahasa Melayu di Malaysia pula dipengaruhi oleh sistem ejaan dan sebutan bahasa Inggeris, contohnya *televisyen*, *universiti* dan *idea*. Perbezaan antara Bahasa Melayu di Malaysia dan Indonesia, menimbulkan hambatan dalam komunikasi antara penutur kedua-dua varian ini, termasuklah dalam konteks wacana tulisan. Sehubungan itu, satu penelitian dilakukan untuk mengupas persoalan tentang apakah aspek bahasa yang menjadi hambatan dalam memahami Bahasa Indonesia, khususnya teks yang ditulis dalam Bahasa Indonesia? Bagaimanakah aspek tersebut menghambat pemahaman ke atas Bahasa Indonesia?

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian yang dijalankan adalah untuk mengenal pasti aspek bahasa yang menjadi hambatan dalam memahami Bahasa Indonesia, khususnya teks yang ditulis dalam Bahasa Indonesia, dan seterusnya menjelaskan bagaimana aspek bahasa tersebut menghambat pemahaman ke atas Bahasa Indonesia.

## **KAEDAH PENELITIAN**

Sumber data Bahasa Indonesia yang digunakan dalam penelitian ini dikutip daripada teks berita yang disiarkan dalam portal berita dalam talian iaitu *Tempo.Co*. Portal yang beralamat di <http://www.tempo.co/> ini dipilih sebagai sumber data kajian oleh kerana ia menggunakan Bahasa Melayu varian Indonesia sejajar dengan pembaca sasarannya iaitu rakyat Indonesia. (portal ini juga mempunyai edisi bahasa Inggeris). *Tempo.Co* yang ditubuhkan oleh PT Tempo Inti Media, Tbk, pada tahun 2011 ini pada asalnya lahir dengan nama *Tempo Interaktif* dan merupakan perintis portal berita di Indonesia, sejak tahun 1995. Terdapat 16 kategori berita yang dipaparkan dalam portal berita *Tempo.Co*, yang meliputi pelbagai topik iaitu nasional, bisnes, metro, dunia, bola, *sport*, gaya, seleb, tekno, otomotif, *travel*, foto, video, grafik, kolum dan indeks. Kepelbagaian ruangan dalam *Tempo.Co* ini menunjukkan usaha *Tempo.Co* sebagai sebuah portal berita dalam talian yang menyajikan maklumat dan berita mutakhir yang menyeluruh kepada segenap pembaca. Hal ini sejajar dengan pandangan Rani Ann Balaraman dan Faridah Ibrahim (2013), bahawa perkembangan pesat internet dan media baharu yang diangkat sebagai ruang awam membekalkan sudut pemberitaan yang berbeza, pandangan dan analisis berlainan, kritikal serta maklumat yang lebih menyeluruh. Untuk mengenal pasti aspek bahasa yang menjadi hambatan dalam memahami Bahasa Indonesia, analisis dilakukan ke atas ayat-ayat dalam teks berita pelbagai ruangan yang disiarkan dalam portal *Tempo.Co*, antara bulan Jun hingga Julai 2015. Ayat-ayat yang dianalisis, dibahagikan mengikut kategori atau aspek bahasa yang ditemui. Seterusnya perbincangan akan mengupas

bagaimana setiap aspek bahasa tersebut menghambat pemahaman ke atas teks Bahasa Indonesia.

## **HASIL PENELITIAN DAN PERBINCANGAN**

Hasil penelitian mendapati bahawa terdapat empat kategori aspek kebahasaan yang menghambat pemahaman ke atas teks Bahasa Indonesia, iaitu (i) perbezaan perbendaharaan kata, (ii) kelainan penggunaan imbuhan, (iii) kelainan akronim dan (iv) kelainan kata pinjaman. Perbincangan yang seterusnya akan menjelaskan keempat-empat aspek tersebut dan membincangkan bagaimana ia menimbulkan hambatan dalam memahami Bahasa Indonesia.

### ***Perbezaan Perbendaharaan Kata***

Hambatan dari segi perbezaan perbendaharaan kata merupakan perkara asas, yang membataskan pemahaman dalam memahami teks yang ditulis dalam Bahasa Indonesia. Hambatan ini berlaku dalam dua keadaan iaitu (i) wujud perbezaan perbendaharaan kata dalam Bahasa Melayu Malaysia dan Bahasa Indonesia, dan (ii) terdapat perkataan yang sama bentuk dan maknanya dalam kedua-dua bahasa, tetapi dalam masa yang sama perkataan tersebut digunakan dalam konteks makna yang berbeza dalam Bahasa Indonesia. Kedua-dua aspek ini dibincangkan seperti berikut:

### ***Perbezaan Perbendaharaan Kata***

Bahasa Melayu di Malaysia dan Bahasa Indonesia walaupun diakui sebagai dua bahasa serumpun yang mempunyai banyak kesamaan leksikal, namun hakikatnya kedua-dua bahasa ini mempunyai perbezaan dari segi perbendaharaan kata. Hal ini dapat dilihat dalam portal berita *Tempo.Co*, yang mana paparan teks beritanya mengandungi sejumlah perkataan yang tidak terdapat dalam perbendaharaan kata Bahasa Melayu Malaysia. Antaranya ialah perkataan-perkataan seperti *kesemrawutan*, *brankas*, *raib*, *calo*, *pemalak*, *sempoyongan*, *pailit*, *digandrungi*, *plintat-plintut*, *blakblakan*, *digubris*, *mewanti-wanti* dan *dinas* seperti yang ditemui dalam beberapa contoh ayat berikut:

1. Tak hanya *kesemrawutan* lalu lintas yang ditimbulkannya, tapi juga soal keamanan.
2. Selain uang tunai, lebih dari 1, 5 kilogram perhiasan emas berupa cincin, kalung, gelang, dan anting yang disimpan di *brankas* toko *raib* dibawa kabur pencuri.
3. Tito menambahkan, juga sudah melakukan pemetaan terhadap pelaku kejahatan, seperti pencopet, *calo*, dan *pemalak*.
4. "...Jamal tengah berteriak-teriak di depan rumah pelapor sambil mengancam. Dia marah-marah dan *sempoyongan*".
5. "Atas utang senilai Rp2 miliar itu dan tidak dibayar-bayar, maka kami mengajukan permohonan *pailit*," kata Rahadiansyah.

6. Bukan hanya diminati Bieber, pengobatan tradisional tersebut juga *digandrungi* selebritas lain.
7. Ia tertawa dan *guyon* seperti pria yang norma.
8. Hotman Paris *blakblakan* soal bercak darah di kaus Agus.
9. Polisi sempat memberikan tembakan peringatan, tapi tak *digubris*.
10. Makanya, Emil *mewanti-wanti* bagi PNS yang memiliki kendaraan pribadi untuk tidak memakai *mobil dinas* saat mudik Lebaran nanti.
11. Diluncurkan pada pekan lalu di Jakarta, ponsel ini telah *menyambangi* kawasan Eropa sejak beberapa bulan lalu.

Bagi pembaca yang pertama kali membaca teks yang ditulis dalam Bahasa Indonesia, contoh-contoh perkataan tersebut adalah asing pada pengetahuan pembaca kerana kebanyakan kata tersebut tidak terdapat dalam perbendaharaan kata Bahasa Melayu Malaysia. Jika adapun, perkataan-perkataan tersebut sangat jarang ditemui dalam teks-teks Bahasa Melayu atau jarang digunakan oleh penutur Bahasa Melayu Malaysia. Sebagai contoh kata *pailit*, *calo*, *pemalak* dan *brankas*, walaupun perkataan-perkataan ini terdapat dalam senarai kata Pusat Rujukan Persuratan Melayu dalam talian, namun pembaca atau penutur Bahasa Melayu di Malaysia tidak begitu mengetahui atau lazimnya tidak menggunakan perkataan-perkataan tersebut. Sebaliknya perkataan-perkataan tersebut lebih meluas digunakan dalam Bahasa Indonesia.

Keasingan ini menyebabkan pembaca hanya dapat memahami sebahagian daripada perkara yang dimaksudkan dalam ayat, ataupun tidak dapat memahami sepenuhnya maksud keseluruhan ayat. Sebagai contoh dalam ayat (3), penutur Bahasa Melayu di Malaysia pasti pernah mendengar atau mengetahui makna perkataan *pencopet* 'penyeluk saku'. Walau bagaimanapun, bagi perkataan *calo* dan *pemalak*, dua perkataan ini adalah asing bagi orang Malaysia. Dalam contoh (4) pula, pembaca dari Malaysia memahami bahawa pihak polis mendapati Jamal berteriak, marah-marah dan mengancam. Walau bagaimanapun maksud keseluruhan ayat tersebut masih tergantung atau terbatas, oleh kerana pembaca tidak mengetahui makna perkataan *sempoyongan* dalam ayat tersebut. Bagi kata *digandrungi* dalam contoh (6), perkataan ini asing bagi penutur Bahasa Melayu Malaysia. Begitu juga dalam contoh ayat (7), pembaca dari Malaysia dapat memahami makna kata *tertawa* dalam ayat tersebut, tetapi tidak memahami maksud perkataan 'guyon', oleh kerana kata tersebut tidak terdapat dalam kosa kata Bahasa Melayu Malaysia. Pendek kata, berlakunya hambatan pemahaman ke atas ayat-ayat dalam Bahasa Indonesia dalam teks berita *Tempo.Co* adalah disebabkan oleh perbezaan perbendaharaan kata yang wujud dalam kedua-dua varian Bahasa Melayu ini. Sebagai rujukan, makna setiap perkataan yang terkandung dalam contoh ayat (1) hingga (11) dikemukakan menerusi Jadual 1.

**Jadual 1: Konteks makna perkataan dalam Bahasa Indonesia**

No.	Bahasa Indonesia	Makna Perkataan berdasarkan Kamus Besar Bahasa Indonesia dalam Talian
1.	kesemrawutan	kacau-bilau; tidak teratur
2.	a. <i>brankas</i>	almari yang diperbuat daripada besi; peti besi untuk menyimpan wang atau barang berharga
	b. <i>raib</i>	hilang; ghaib
3.	a. <i>calo</i>	orang yang menjadi perantara dan memberikan jasanya (perkhidmatannya) untuk menguruskan sesuatu berdasarkan upah; perantara; makelar (perantara perdagangan)
	b. <i>pemalak</i>	pemeras
4.	<i>sempoyongan</i>	terhuyung-hayang (seperti hendak jatuh)
5.	<i>pailit</i>	bangkrap; jatuh miskin (mufflis)
6.	<i>digandrungi</i>	diminati; disenangi; disukai
7.	<i>guyon</i>	bergurau
8.	<i>blakblakan</i>	terus-terang; terbuka
9.	<i>digubris</i>	diendahkan; dipedulikan
10.	a. <i>mewanti-wanti</i>	memberi pesan yang disampaikan dengan sungguh-sungguh agar dilaksanakan oleh pihak yang dipesan (berpesan dengan bersungguh-sungguh)
	b. <i>mobil dinas</i>	kereta milik jabatan
11.	<i>Menyambangi</i>	mengelilingi; merondai; mengunjungi

### ***Kelainan Konteks Makna Penggunaan Kata***

Satu lagi aspek yang menghambat pemahaman ke atas teks Bahasa Indonesia iaitu keadaan yang mana terdapat perkataan yang sama bentuk ejaan dan maknanya dalam kedua-dua bahasa, tetapi dalam masa yang sama, perkataan tersebut digunakan dalam konteks makna yang tidak terdapat dalam Bahasa Melayu Malaysia. Beberapa contoh yang dikutip daripada teks berita dalam portal *Tempo.Co* menunjukkan hal tersebut:

12. Khusus jalur pantura, musim *mudik* Lebaran tahun ini bebannya akan sangat berkurang seiring dengan sudah dioperasikannya Jalan Tol Cikopo-Palimanan (Cipali) sepanjang 116,75 kilometer. Prediksi kami, 40-60 persen pemudik akan bermigrasi ke Jalan Tol Cipali, ujar Ridwan.
13. “Selain menawarkan *jasa* mengantar, para porter dapat diminta mengepak barang belanjaan ke dalam karung putih....”
14. Ruas mudik jalur tengah mulai Tanjungsari, Pamulihan, dan Cadas

Pangeran menjadi titik kemacetan dan *rawan* kecelakaan karena aktivitas pasar serta jalanan bergelombang, sempit, dan berkelok dengan turunan curam.

15. Sementara itu, yang berhasil dibawa *kabur* adalah perhiasan yaitu kalung liontin dan gelang dan mobil Honda Freed.
16. "...dia kerap tampil bersama Victoria dalam pesta peluncuran atau terlihat duduk manis di barisan depan pada peragaan merek Burberry bersama ayahnya, David Beckham, dan ketiga *kakak lelakinya*: Brooklyn, Cruz dan Romeo...."
17. Wahyu Pratama *tertangkap basah* mencopet ponsel milik Holis, warga Depok dan Rahmawati, warga Bogor serta Rosa di Stasiun Tanah Abang.
18. Polisi juga *mengamankan* sepasang sandal, sepungkus rokok, dan spion sepeda motor.

Perkataan-perkataan yang terdapat dalam contoh-contoh ayat yang dikemukakan, iaitu *mudik*, *pemudik*, *jasa*, *rawan*, *kabur*, *kakak*, *tertangkap basah* dan *mengamankan* kesemuanya terdapat dalam Bahasa Melayu Malaysia dan juga Bahasa Indonesia. Walau bagaimanapun dalam Bahasa Indonesia, kesemua contoh-contoh tersebut mempunyai konteks penggunaan yang berbeza yang tidak terdapat dalam Bahasa Melayu Malaysia, sehingga menimbulkan hambatan dalam memahami maksud ayat tersebut. Sebagai contoh dalam Bahasa Indonesia, penggunaan kata kerja *mudik* merujuk kepada perihal balik atau pulang ke kampung halaman, manakala kata *pemudik* pula merujuk kepada 'orang' yang pulang ke kampung halaman. Justeru dalam konteks makna ayat (12), kata *mudik* dimaksudkan sebagai perihal balik ke kampung halaman sewaktu perayaan hari raya. Hal ini berbeza daripada Bahasa Melayu Malaysia, yang mana kata kerja *mudik* lazimnya digunakan untuk perihal belayar atau pergi ke hulu sungai, sedangkan kata *pemudik* pula jarang ditemui penggunaannya dalam Bahasa Melayu Malaysia, meskipun secara literalnya *pemudik* ialah *orang yang mudik*. Sebagai contoh, dalam Bahasa Melayu Malaysia, kata *mudik* digunakan dalam ayat seperti (i) *Kapal itu mudik ke hulu sungai Kinabatangan* atau (ii) *Setelah beberapa hari mudik dari kuala sungai Pahang, akhirnya mereka sampai di hulu Tembeling*. Agak jarang digunakan atau jarang kedengaran, penutur mengujarkan ayat misalnya, "Kami akan *mudik* ke Pulau Pinang esok pagi".

Dalam contoh (13) pula, Bahasa Indonesia dan Bahasa Melayu Malaysia sama-sama mempunyai perkataan *jasa* yang merujuk kepada perbuatan yang baik. Walau bagaimanapun dalam Bahasa Indonesia, kata *jasa* mempunyai makna lain yang tidak terdapat dalam Bahasa Melayu. Dalam ayat (13), *jasa* dalam Bahasa Indonesia dimaksudkan sebagai *perkhidmatan*, iaitu perkhidmatan penghantaran barang. Berhubung dengan perkataan *rawan* pula, dalam Bahasa Melayu Malaysia *rawan* merupakan perkataan yang berkaitan dengan perihal kesedihan, pilu, gundah-gulana, rindu bercampur sedih, sayu dan terharu. Dalam Bahasa Indonesia, *rawan* juga mempunyai maksud yang sama dengan Bahasa Melayu



Malaysia iaitu rindu bercampur sedih, pilu dan terharu. Walau bagaimanapun selain daripada makna tersebut, *rawan* dalam Bahasa Indonesia turut digunakan dalam konteks makna “mudah menimbulkan gangguan keamanan atau bahaya” seperti dalam contoh ayat (14). Demikian juga dengan kata *kabur* dalam Bahasa Indonesia dan Bahasa Melayu Malaysia, kedua-duanya mempunyai makna yang sama iaitu ‘kurang terang’ atau ‘tidak jelas’. Walau bagaimanapun dalam Bahasa Indonesia, kata *kabur* turut digunakan untuk merujuk maksud *menghilang, berlari cepat-cepat, melarikan diri* atau *menghilangkan diri*, seperti dalam contoh ayat (15) tersebut.

Dalam pada itu, perkataan *kakak* dalam Bahasa Indonesia lazimnya digunakan untuk merujuk kepada saudara yang lebih tua tanpa mengira jantina, sama ada perempuan mahupun lelaki seperti dalam contoh (16). Hal ini berbeza dengan Bahasa Melayu Malaysia, oleh kerana dalam konteks hubungan kekeluargaan atau persanakan, kata *kakak* lazimnya digunakan untuk merujuk kepada saudara perempuan yang lebih tua, sedangkan saudara lelaki yang lebih tua digelar sebagai *abang*. Dengan kata lain, perkataan *kakak* dalam Bahasa Indonesia digunakan untuk lelaki dan perempuan, sedangkan kata *kakak* dalam Bahasa Melayu Malaysia, adalah lebih khusus untuk perempuan. Berhubung dengan ungkapan atau frasa ‘tangkap basah’ pula, di Malaysia ungkapan ini lazimnya digunakan dalam konteks perihal penangkapan ke atas pasangan lelaki dan wanita bukan muhrim yang berkhalwat atau berdua-duaan. Sebaliknya dalam Bahasa Indonesia, ungkapan *tangkap basah* bukan sahaja digunakan untuk merujuk kepada pasangan lelaki dan wanita yang berkelakuan sumbang atau berkhalwat, tetapi juga turut digunakan untuk merujuk kepada penangkapan ke atas orang yang bersalah atau sedang melakukan kesalahan, misalnya mencuri atau merompak. Justeru, pembaca dari Malaysia yang membaca teks berita Bahasa Indonesia, pastinya tidak menyangka bahawa ‘tangkap basah’ dalam Bahasa Indonesia turut digunakan untuk merujuk kepada penangkapan ke atas orang yang mencuri telefon bimbit (=ponsel), seperti dalam contoh (17) tersebut.

Berhubung dengan kata *aman* pula, kedua-dua bahasa mempunyai kata *aman* yang berkonotasi dengan makna tidak bahaya, tenteram atau selamat. Walau bagaimanapun selain daripada makna tersebut, kata terbitan *aman* iaitu *mengamankan* dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia dalam talian, turut memaparkan beberapa konteks makna *aman*, iaitu (i) *menjadikan tidak berbahaya, tidak rusuh* (kacau, kemelut dan sebagainya), (ii) *menjadikan tenteram* (hati), (iii) *melindungi atau menyelamatkan*, (iv) *menjinakkan* (ranjau, granat, meriam), (v) *menyimpan atau menyembunyikan supaya tidak diambil orang* dan (vi) *menahan orang yang melanggar hukum demi keamanan umum dan keamanan orang itu*. Justeru, dalam konteks contoh ayat (18), kata kerja *mengamankan* membawa maksud bagi perkara (v) iaitu, *menyimpan atau menyembunyikan supaya tidak diambil orang*. Hal ini jelas berbeza daripada konteks makna kata *mengamankan* yang terdapat dalam Pusat Rujukan Persuratan Melayu dalam talian, yang dikemukakan sebagai *menjaga supaya menjadi aman, menjadikan*

*aman* atau *menenteramkan*. Justeru, penggunaan kata kerja *mengamankan* dalam ayat (18) tersebut menimbulkan hambatan dalam memahami teks dalam Bahasa Indonesia, oleh kerana penggunaan kata kerja *mengamankan* yang sedemikian tidak terdapat dalam konteks Bahasa Melayu Malaysia. Kelainan konteks makna penggunaan kata bagi data-data yang bincangkan tadi, dirumuskan dalam Jadual 2 berikut:

**Jadual 2 : Kelainan konteks makna penggunaan kata dalam Bahasa Indonesia dan perbezaannya dalam Bahasa Melayu Malaysia**

No.	Contoh Kata	Konteks Makna Penggunaan Kata dalam Data ayat Bahasa Indonesia	Makna Lazim Penggunaan Kata dalam ayat Bahasa Melayu Malaysia
12.	a. <i>mudik</i>	balik ke kampung halaman	belayar; pergi ke hulu sungai
	b. <i>pemudik</i>	orang yang balik ke kampung halaman	orang yang mudik
13.	<i>jasa</i>	perkhidmatan; servis	perbuatan baik
14.	<i>rawan</i>	mudah menimbulkan gangguan keamanan atau bahaya	kesedihan, pilu, gundah-gulana, rindu bercampur sedih, sayu dan terharu
15.	<i>kabur</i>	menghilang; berlari cepat-cepat; melarikan diri atau menghilangkan diri	kurang terang; tidak jelas
16.	<i>kakak</i>	saudara lelaki dan perempuan yang lebih tua	saudara perempuan yang lebih tua
17.	<i>tertangkap basah</i>	tangkapan ke atas orang yang mencuri harta benda	tangkapan ke atas pasangan lelaki dan wanita bukan muhrim yang berkhawat
18.	<i>mengamankan</i>	menyimpan atau menyembunyikan supaya tidak diambil orang	menjaga supaya menjadi aman, menjadikan aman atau menenteramkan

Daripada jadual yang dikemukakan, dapat disimpulkan bahawa terdapat perkataan tertentu yang sama bentuknya dan maknanya dalam Bahasa Indonesia dan Bahasa Melayu Malaysia. Walau bagaimanapun dalam Bahasa Indonesia, perkataan-perkataan tersebut turut mempunyai konteks makna yang berlainan yang tidak terdapat atau tidak lazim digunakan dalam Bahasa Melayu Malaysia. Justeru bagi pembaca dari Malaysia, kelainan tersebut menimbulkan hambatan pemahaman, lebih-lebih lagi bagi pihak yang pertama kali membaca teks dalam Bahasa Indonesia.

### ***Kelainan Penggunaan Imbuhan***

Kelainan penggunaan imbuhan dalam Bahasa Indonesia merupakan aspek

bahasa yang turut menghambat pemahaman ke atas teks yang ditulis dalam Bahasa Indonesia. Walaupun Bahasa Melayu Malaysia dan Bahasa Indonesia mempunyai jenis imbuhan yang sama, namun wujud perbezaan dari segi penggunaan imbuhan tersebut dalam ayat. Beberapa contoh yang berikut, memperlihatkan penggunaan imbuhan dalam Bahasa Indonesia yang ditemui dalam teks berita portal *Tempo.Co*:

19. Penyanyi Chris Brown yang *memenangkan* penghargaan Grammy, dilarang meninggalkan Filipina pada Rabu, 22 Juli 2015.
20. Menjelang Lebaran, Pasar Tanah Abang menjadi pasar yang paling ramai dikunjungi untuk *mempersiapkan* hari raya.
21. Kuasa hukum pemohon Dhan Rahadiansyah mengatakan *termohon* memiliki utang yang jatuh tempo dan dapat ditagih sebesar Rp2 miliar.
22. “...BMKG setiap enam jam sekali akan selalu memberikan data terbaru *terkait* pergerakan arah abu vulkanik kepada pihak bandara.”
23. Ada banyak detoks yang bisa menjadi pilihan, *tergantung* kebutuhan tubuh.
24. *Kepindahannya* pun tidak lapor ke RT dan RW setempat,” katanya.
25. “Farid merinci Bandara Frans Kaisiepo Biak *merugi* Rp32 miliar pada 2014...”

*MeN-*, *MeN-...-kan*, *mempeR-...-kan*, *teR-*, dan *ke-...-an*, merupakan imbuhan-imbuhan yang terdapat dalam Bahasa Melayu dan juga Bahasa Indonesia. Walau bagaimanapun berdasarkan contoh (19) hingga (25) tersebut, dapat dilihat kelainan dari segi penggunaan imbuhan-imbuhan tersebut dalam Bahasa Indonesia. Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2005:1017), kata kerja *memenangkan* membawa maksud, ‘menjadikan menang’ atau ‘menyebabkan menang’. Walau bagaimanapun dalam konteks Bahasa Indonesia misalnya dalam ayat (19) tersebut, kata kerja *memenangkan* digunakan dengan maksud bahawa penyanyi Chris Brown memenangi Anugerah Grammy. Penggunaan akhiran *-kan* pada kata kerja tersebut tersebut tidak lazim dalam Bahasa Melayu varian Malaysia, oleh kerana kata kerja yang lazim digunakan ialah *memenangi* atau menggunakan kata kerja yang mengandungi akhiran *-i*. Contohnya dalam Bahasa Melayu lebih lazim digunakan kata kerja *memenangi* seperti dalam ayat, “Penyanyi Chris Brown yang *memenangi* penghargaan Grammy, dilarang meninggalkan Filipina....” Begitu juga dengan apitan *memper-+siap+kan* dalam contoh (20), menimbulkan hambatan pemahaman. Dalam Pusat Rujukan Persuratan Melayu dalam talian, kata kerja *mempersiapkan* membawa maksud ‘mengusahakan supaya bersiap’, manakala dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia dalam talian pula, kata *mempersiapkan* membawa maksud, *menjadikan bersiap* dan *menyiapkan*. Walau bagaimanapun dalam konteks ayat Bahasa Melayu Malaysia, kata kerja yang lebih lazim digunakan ialah kata kerja *siap* yang

diimbuhkan dengan apitan *per-...-an*, misalnya dalam ayat, “Menjelang lebaran, Jalan Tuanku Abdul Rahman menjadi kawasan yang paling ramai dikunjungi untuk *persiapan* hari raya.”

Penggunaan imbuhan *ter-* yang menerbitkan kata *termohon* dalam contoh (21) juga menimbulkan hambatan. Kata *mohon* yang diawali oleh imbuhan *ter-* tidak ditemui dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia dalam talian. Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) juga tidak terdapat kata *termohon*, melainkan hanya kata *bermohon*, *memohon*, *memohonkan*, *permohonan* dan *pemohon*. Dalam Pusat Rujukan Persuratan Melayu dalam talian pula, hanya terdapat kata ‘terpohon’, yang merupakan kata dalam bidang ekonomi dalam konteks frasa, *terpohon beli berlebihan* atau *tampa sengaja terpohon beli sesuatu secara berlebihan*.

Sneddon (1996) menyatakan bahawa imbuhan *ter-* dalam Bahasa Indonesia memiliki fungsi (i) kebetulan (*accidental*), (ii) keadaan hasil (*result state*) dan (iii) kemampuan (*abilitative*), seperti dalam contoh-contoh berikut:

- i. Kebetulan  
Latif *tertidur* di kelas. (Sneddon 1996: 114)
- ii. Keadaan hasil  
Patung dewa itu *terbuat* dari emas. (Sneddon 1996: 113)
- iii. Kemampuan  
Mobil semahal itu tidak *terbeli* oleh saya. (Sneddon 1996: 116)

Selain itu, imbuhan *ter-* dalam Bahasa Indonesia juga tergolong dalam morfem alternasi ragam tersirat (*covert voice alternation*). *Ter-* sebagai morfem alternasi ragam tersirat, merujuk kepada imbuhan *ter-* yang muncul dalam konteks aktif dan juga pasif misalnya dalam ayat:

- i. Gajah (itu) *termakan* racun. Aktif
- ii. Racun *termakan* oleh gajah (itu). Pasif  
(Hiroki & Kartini 2011:122)

Untuk perbincangan lanjut tentang fenomena alternasi ragam tersirat dalam Bahasa Indonesia dan juga Bahasa Melayu Malaysia, lihat Hiroki dan Kartini (2011). Dalam pada itu, berdasarkan Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia pula, imbuhan *ter-* pada kata *termohon* adalah sama maknanya dengan imbuhan *di-* dan oleh itu, kata *termohon* dimaksudkan sebagai *orang yang dimohon* atau *orang yang dimintai permohonan* ([http://badanbahasa.kemdikbud.go.id/lamanbahasa/petunjuk\\_praktis/601](http://badanbahasa.kemdikbud.go.id/lamanbahasa/petunjuk_praktis/601)). Morfem *ter-* dalam Bahasa Indonesia juga muncul sebagai istilah dalam bidang perundangan. Berdasarkan Badan Arbitrase Perdagangan Berjangka Komoditi (BAKTI) misalnya, kata *termohon* dikemukakan sebagai “pihak yang dituntut oleh pemohon dalam arbitrase; yang mana istilah ‘Termohon’ pada arbitrase sama dengan ‘Tergugat’ dalam persidangan pengadilan (<http://www.bakti-arb.org/kamus.html>). Kata ‘Termohon’ dalam Bahasa Indonesia juga digunakan dalam hal berkaitan syariah, misalnya dalam petikan contoh

yang berikut ([http://www.pa-pasuruan.go.id/wp-content/uploads/2015/02/329-TV-2015\\_2.pdf](http://www.pa-pasuruan.go.id/wp-content/uploads/2015/02/329-TV-2015_2.pdf)):

Pengadilan Agama Pasuruan yang memeriksa dan mengadili perkara tertentu pada tingkat pertama telah menjatuhkan putusan dalam perkara cerai talak antara:

i. **PEMOHON** umur 36 tahun, agama Islam, pendidikan terakhir SMP, pekerjaan kary. PT. Integra, bertempat tinggal di Kota Pasuruan, selanjutnya disebut sebagai "**Pemohon**"; melawan

ii. **TERMOHON** umur 35 tahun, agama Islam, pendidikan terakhir SMP pekerjaan kary. PT. Integra, bertempat tinggal di Kota Pasuruan selanjutnya disebut sebagai "**Termohon**".

Justeru berdasarkan contoh ini, dapat disimpulkan bahawa kata *termohon* dalam Bahasa Indonesia, dimaksudkan sebagai 'pihak yang dimintai permohonan, oleh pihak pemohon'. Hakikatnya, hambatan pemahaman ke atas ayat (21) timbul oleh kerana morfem *ter-* yang diimbuhkan kepada kata kerja *mohon* dengan maksud 'pihak yang dimintai permohonan', tidak ditemui penggunaannya dalam konteks Bahasa Melayu Malaysia. Sebaliknya kata *termohon* dalam Bahasa Indonesia, digunakan meluas sebagai istilah dalam bidang perundangan atau sama golongan dengan perkataan yang mengandungi morfem *ter-*, yang lazim digunakan dalam prosiding undang-undang, misalnya 'Terdakwa', (orang yang dituntut atau didakwa), 'Tergugat' (orang yang digugat), 'Terhukum' (orang yang dijatuhkan hukuman), 'Terpidana' (orang yang dikenai/disabitkan dengan hukuman), 'Tersangka' (orang yang dicurigai atau suspek), 'Tertuduh' (orang yang tertuduh dan terdakwa) (Sneddon et al., 2010). Dengan kata lain, Bahasa Indonesia lazim menggunakan istilah *pemohon* dan *termohon*, manakala di Malaysia istilah yang digunakan ialah *pemohon* (pihak yang mendakwa atau menuntut) dan *defendan* (pihak yang didakwa atau dituntut).

Dalam contoh (22) dan (23) pula, terdapat imbuhan *ter-* yang membentuk kata kerja 'terkait' dan 'tergantung'. Walau bagaimanapun dalam konteks ayat Bahasa Melayu Malaysia, bentuk imbuhan yang lebih lazim digunakan ialah *ber-* misalnya 'berkaitan' dan 'bergantung'. Apitan *ke-...an* bagi kata *kepindahan* dalam contoh (24) juga merupakan bentuk yang tidak lazim digunakan dalam Bahasa Melayu Malaysia. Kata *kepindahan* dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2005:1210) dan juga Kamus Besar Bahasa Indonesia dalam talian, dikategorikan sebagai kata kerja yang membawa maksud 'kejangkitan' dan 'ketularan', misalnya dalam konteks terkena jangkitan sesuatu (wabak) penyakit. Dalam pada itu, apitan *ke-...-an* dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia dalam talian turut dikategorikan sebagai kata nama yang membawa maksud 'hal pindah'. Sebaliknya dalam Bahasa Melayu Malaysia, kata yang lebih lazim digunakan untuk hal pindah diwakili oleh kata *pindah* yang menggunakan apitan *per-...-kan*, misalnya *perpindahan*. Sebagai contoh dalam ayat, *Perpindahan mereka ke rumah baharu ditangguhkan sehingga ke hujung tahun ini*.

Berhubung dengan contoh ayat (25) pula, timbul kelainan apabila ayat tersebut

mengandung imbuhan *me-* yang diimbuhkan pada kata *rugi*. Dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia dalam talian dan Pusat Rujukan Persuratan Melayu dalam talian, imbuhan *me-* yang membentuk kata kerja *merugi*, membawa maksud *menanggung rugi*. Walau bagaimanapun penggunaan imbuhan *me-* yang menerbitkan kata kerja *merugi* seperti dalam contoh (25) tersebut, jarang digunakan dalam konteks Bahasa Melayu Malaysia. Dalam Bahasa Melayu Malaysia, untuk menyatakan tentang kerugian yang dialami, misalnya dalam konteks ayat (25), lebih lazim digunakan frasa ‘menanggung kerugian/rugi’ atau ‘mengalami kerugian’, misalnya dalam ayat, *Farid menerangkan bahawa lapangan terbang Frans Kaisiepo, Biak (di pulau Biak) menanggung kerugian/rugi/mengalami kerugian Rp32 milion pada tahun 2014*.

Daripada perbincangan dalam bahagian ini, dapat disimpulkan bahawa hambatan dari segi kelainan penggunaan imbuhan, berlaku dalam konteks kelainan dalam Bahasa Indonesia dari segi penggunaan imbuhan, yang berbeza daripada penggunaan imbuhan dalam konteks ayat-ayat Bahasa Melayu Malaysia. Selain itu, terdapat juga imbuhan yang dikhaskan dalam bidang perundangan di Indonesia, misalnya dalam kes imbuhan *ter-* pada kata *termohon*, yang tidak terdapat penggunaannya dalam konteks Bahasa Melayu Malaysia.

### ***Kelainan Akronim***

Kelainan dari segi penggunaan akronim juga merupakan satu lagi aspek bahasa yang turut menjadi hambatan dalam memahami Bahasa Indonesia. Menurut Kridalaksana (2007: 162), akronim adalah proses pemendekan yang menggabungkan huruf atau suku kata atau bahagian lain yang ditulis dan dilafazkan sebagai kata yang sedikit banyak memenuhi fonotaktik Indonesia. Chaer (2007: 192) pula menjelaskan akronim sebagai kata yang terbentuk daripada hasil penggabungan unsur-unsur huruf awal atau suku kata dari beberapa kata yang digabungkan menjadi satu. Beberapa contoh akronim dalam Bahasa Melayu Malaysia misalnya *jentolak* (=jentera tolak), *pawagam* (=panggung wayang gambar), *ladika* (=taman didikan kanak-kanak) dan *Bernamea* (=Berita Nasional Malaysia).

Berhubung dengan penggunaan akronim, Bahasa Indonesia sememangnya terkenal dan sangat produktif dari segi penciptaan dan penggunaan akronim. Akronim digunakan dalam pelbagai perkara dan bidang, daripada kalangan orang awam, jabatan pemerintah atau kerajaan mahupun swasta, organisasi, kalangan pemimpin dan juga dalam media massa. Akronim dalam Bahasa Indonesia terdapat di mana-mana misalnya surat khabar, jurnal, buku, papan reklame (papan iklan), mobil (kereta), rambu jalan (tanda atau petunjuk jalan), bendera, pesan teks dan lain-lain, yang bukan sahaja dalam bentuk tulisan atau bacaan, malah menjadi sebahagian daripada kelaziman dalam bahasa lisan khususnya kalangan golongan muda (Agata Parsidi & Roger Tal, 2011). Walaupun hal ini dilihat sebagai satu perkembangan unik bagi Bahasa Indonesia, namun dari satu segi hal tersebut menjadi hambatan dalam memahami teks dalam Bahasa Indonesia. Beberapa contoh yang berikut merupakan akronim dalam Bahasa

Indonesia yang terdapat dalam teks berita portal *Tempo.Co*:

26. “...*Menlu* Iran Javad Zarif, dan *Menlu* Jerman Frank-Walter Steinmeier, berfoto sebelum pertemuan di Vienna, Austria....”
27. “...persepsi dan komitmen guna menyukseskan program Nawa Cita yang telah dicanangkan Presiden Joko Widodo dan *Wapres* Jusuf Kalla.
28. Dinas Kesehatan Kabupaten Bogor melakukan *sidak* di Pasar Ciawi, Selasa 30 Juni 2015.
29. Operasi Ketupat, polisi sita 1 kontainer *miras* cap tikus.
30. “Ada *parpol* yang tidak mau bantuan pemerintah....”
31. Akhirnya kita sering ajak temen yang lain buat ikut gabung sekalian *bukber*.
32. “Beliau *curhat* tentang apa yang sudah dikerjakan selama menjadi Presiden,” kata Oppie, di Istana Bogor, Jawa Barat.
33. “Umumnya belajar kitab kuning hanya dilakukan di *ponpes*,” kata dia, Jumat 26 Juni 2015.
34. “Dia mengatakan permohonan bantuan THR tersebut disebar ke *ruko-ruko* di sekitar *Polsek*.”
35. “...Staf Khusus Presiden Lennys Kogoya mengatakan masih ada 31 orang *tapol* Papua yang belum dibebaskan.”

Perkataan-perkataan yang dicondongkan dalam contoh ayat (26) hingga (35) tidak terdapat dalam Bahasa Melayu Malaysia dan agak asing daripada pengetahuan pembaca umum dari Malaysia. Pembaca yang pertama kali membaca teks berita Indonesia tidak mengetahui apakah yang dimaksudkan dengan *menlu*, *osppek*, *sidak*, *miras*, *parpol*, *bukber*, *curhat*, *ponpes*, *ruko*, *polsek* dan *tapol*. Berdasarkan Kamus Besar Bahasa Indonesia dalam talian, laman web Akronima Indonesia, dan Kamus Singkatan Indonesia (Agata Parsidi & Roger Tal, 2011), akronim-akronim dalam contoh (26) hingga (35), terbentuk daripada perkataan seperti yang dalam jadual yang berikut:

**Jadual 3 : Akronim dalam Bahasa Indonesia**

No.	Akronim dalam Bahasa Indonesia (dalam <i>Tempo.Co</i> )	Kata penuhnya dalam Bahasa Indonesia
26.	<i>menlu</i>	<u>men</u> teri luar negeri
27.	<i>wapres</i>	<u>wakil</u> president
28.	<i>sidak</i>	inspek <u>si</u> mendadak
29.	<i>miras</i>	<u>m</u> inuman keras
30.	<i>parpol</i>	<u>partai</u> politik

31.	<i>bukber</i>	<u>buka bersama</u>
32.	<i>curhat</i>	<u>curahan hati</u>
33.	<i>ponpes</i>	<u>pondok pesantren</u>
34.	a. <i>ruko-ruko</i> b. <i>polsek</i>	<u>rumah toko-rumah toko</u> <u>kepolisian sektor</u>
35.	<i>tapol</i>	<u>tahanan politik</u>

---

Jadual 3 menunjukkan bentuk asal perkataan-perkataan yang menjadi akronim dalam Bahasa Indonesia. Kewujudan akronim dalam ayat-ayat tersebut menghambat pemahaman ke atas Bahasa Indonesia, oleh kerana bentuk sebenar ataupun perkataan penuh dan juga maksud akronim tersebut tidak diketahui oleh pembaca mahupun penutur Bahasa Melayu Malaysia atau tidak tersimpan sebagai maklumat awal oleh pembaca. Hakikatnya, penggunaan akronim yang meluas dalam akhbar di Indonesia, pernah dikritik dan dianggap kurang sesuai oleh sesetengah pihak. Tokoh budayawan dan pakar Bahasa Indonesia iaitu Sutan Takdir Alisyahbana misalnya, pernah berpandangan bahawa adalah berbahaya jika Bahasa Indonesia terlalu banyak akronim, oleh kerana keadaan ini boleh mengakibatkan Bahasa Indonesia semakin dijauhi oleh orang Malaysia. Malah menurut beliau, pengaruh Bahasa Indonesia ke dalam Bahasa Melayu juga dilihat semakin berkurangan kerana orang Malaysia tidak begitu memahami surat khabar Indonesia. Pandangan tersebut telah disiarkan dalam majalah bulan *Tempo* keluaran Mac 1990, dalam ruangan Selingan (<http://drayunialwani.blogspot.com/2010/05/penggunaan-akronim-di-malaysia-dan.html>).

Masalah memahami akronim dalam Bahasa Indonesia juga pernah disuarakan oleh Duta Malaysia di Indonesia, Datuk Seri Zahrain Mohamed Hashim, yang menyatakan kebingungan dengan kebiasaan orang Indonesia yang suka menyingkatkan perkataan. Hal ini disiarkan dalam portal berita *Tempo.Co.* dengan tajuk, “Dubes Malaysia (Duta Besar Malaysia): Orang Indonesia Suka Akronim” (<http://dunia.tempo.co/read/news/2014/02/18/118555228/dubes-malaysia-orang-indonesia-suka-akronim>). Masalah memahami akronim dikatakan turut dialami oleh warga Indonesia. Menurut Agata Parsidi dan Roger Tal (2011), terdapat ramai warga Indonesia yang mengakui tidak mengetahui maksud singkatan dan akronim yang dibaca, didengar atau bahkan yang mereka gunakan.

Jika dipertimbangkan dari segi peranan media massa sebagai medium penyebaran maklumat, berita yang ditulis dan disampaikan haruslah padat, jelas dan mudah difahami oleh khalayak pembaca. Sebagaimana yang pernah dinyatakan oleh Mohd Rajib Ab. Ghani dan Faridah Ibrahim (1987), keobjektifan bahasa dalam bidang kewartawanan sangat penting, dan dalam usaha menyampaikan maklumat kepada khalayak pembaca, ungkapan atau perkataan yang tidak difahami oleh pembaca tentulah perlu dielakkan.



### ***Kelainan Kata Pinjaman***

Selain daripada perbezaan atau kelainan yang telah dibincangkan, satu lagi aspek bahasa yang turut menimbulkan hambatan dalam memahami Bahasa Indonesia iaitu kewujudan kata pinjaman dalam bahasa ini. Peminjaman bahasa didefinisikan sebagai penerimaan unsur-unsur daripada satu bahasa atau dialek melalui pertembungan atau peniruan, misalnya menerusi pinjam ubah (*loan shift*) dan pinjam terjemah (*loan translation*) (Ramli et al., 2007). Heah (1989) pula mendefinisikan peminjaman sebagai satu proses pengambilan dan penggunaan unsur-unsur daripada satu bahasa yang lain dalam konteks yang lain. Sebagai contoh menerusi kaedah pinjam terjemah, Bahasa Melayu Malaysia dan Bahasa Indonesia meminjam perkataan/frasa daripada bahasa Inggeris misalnya *perang dingin*, *bawah tanah* dan *beban kerja*, yang berasal daripada kata *cold war*, *underground*, dan *work load*. Menerusi kaedah pinjam ubah pula, Bahasa Melayu Malaysia meminjam kata bahasa Inggeris misalnya *transaction*, *wire* dan *telephone*, menjadi *transaksi*, *wayar* dan *telefon*. Selain itu, terdapat juga peminjaman langsung yang tidak melibatkan perubahan ejaan perkataan yang dipinjam, misalnya kata bahasa Inggeris seperti *bank*, *editor* dan *mental*, yang terdapat dalam Bahasa Melayu Malaysia dan juga Bahasa Indonesia.

Dalam teks berita *Tempo.Co*, ditemui banyak kata pinjaman daripada bahasa Belanda yang diserap ke dalam Bahasa Indonesia, dan telah disesuaikan dari segi ejaan atau cara penulisannya supaya sejajar dengan cara sebutan Bahasa Indonesia. Hal ini menimbulkan hambatan kepada pembaca dari Malaysia yang tidak memahami makna kata pinjaman bahasa Belanda tersebut. Contoh-contoh yang berikut, ialah kata pinjaman bahasa Belanda yang terdapat dalam teks berita dalam portal *Tempo.Co*:

36. “Peran M sebagai *kurir sabu-sabu* terungkap setelah aparat BNN menangkap lima orang pengedar...”
37. Data santunan Waduk Jatigede masih ada yang *dobel*.
38. “Dia *kalem*, tapi selalu ceria,” kata Anton, 19 tahun...”
39. Zayn Malik memilih untuk meninggalkan One Direction pada Maret 2015. Zayn bahkan meninggalkan jadwal *turnya* yang saat itu tengah berlangsung.
40. Rekonstruksi itu juga menghadirkan saksi Handono dan Susiani, yang pernah *indekos* di rumah Margriet.
41. Sang koki, Andi Warsito, meletakkan nampan kaca berisi daging di dalam oven dan memutar *kenop* pengatur waktu.
42. Pemilik *apotek* ini menggenjot pedal dari Depok, Jawa Barat, sampai Blora, Jawa Tengah.
43. Dinas Sosial Provinsi DKI Jakarta memulangkan sebanyak 326 orang PMKS jalanan yang terkena *razia* pada bulan Juni 2015.
44. Namun itu terkendala oleh double-double track yang *telat* dibangun.

Kesemua kata yang dicondongkan dalam ayat (36) hingga (43) iaitu *kurir*, *dobel*, *kalem*, *tur*, *indekos*, *koki*, *kenop*, *apotek*, *razia* dan *telat* merupakan kata pinjaman yang berasal daripada bahasa Belanda. Kewujudan perkataan-perkataan tersebut, menghambat pemahaman warga Malaysia dalam memahami teks Bahasa Indonesia. Tanpa merujuk kamus Bahasa Indonesia misalnya, pembaca sukar untuk mengetahui maksud perkataan-perkataan tersebut. Jadual 4 yang berikut menunjukkan kata asal bagi kata pinjaman bahasa Belanda tersebut dan maksudnya, yang disemak daripada laman web SEALang (Southeast Asian Language Library) (<http://sealang.net/indonesia/dictionary.htm>):

**Jadual 4 : Kata pinjaman bahasa Belanda dalam Bahasa Indonesia**

No.	Kata Pinjaman Bahasa Belanda dalam Bahasa Indonesia	Bahasa Belanda	Makna Kata
36.	kurir	koerier	utusan; pembawa
37.	dobel	dubbel	lipat/ganda dua
38.	kalem	kalm	tenang; santai; tidak tergesa-gesa
39.	tur	toer	Jelajah
40.	indekos	in de kost	tinggal (menumpang) di rumah orang lain, dengan atau tanpa makan
41.	a. koki b. kenop	kokkin knop	tukang masak tombol pintu
42.	apotek	apotheek	kedai ubat
43.	razia	razzia	penangkapan beramai-ramai
44.	telat	te laat	terlambat; terlewat

Di samping bahasa Belanda, Bahasa Indonesia juga menyerap sejumlah kata daripada bahasa daerah misalnya Jawa, Sunda dan Madura serta dialek Melayu, misalnya dialek Melayu Medan, dialek Melayu Riau, dialek Melayu Jakarta dan lain-lain. Menurut Adi Budiwiyanto (2012), pada tahun 2008 bahasa daerah menyumbang sejumlah 3592 kata dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia, manakala dialek Melayu pula menyumbang sejumlah 596 kata (<http://badanbahasa.kemdikbud.go.id/lamanbahasa/content/kontribusi-kosakata-bahasa-daerah-dalam-bahasa-indonesia>). Antara beberapa contoh penggunaan bahasa daerah dan dialek Melayu Jakarta yang terdapat dalam teks berita *Tempo*. *Co* adalah seperti berikut:

45. Sistem *bobrok* di sekolahnya sendiri tak diperbaiki.
46. "...menurut dia, *bobot* tubuhnya berkurang sekitar 5-6 kilogram."

47. Buat apa open house kalau hanya kue saja, *mending* tidak usah.
48. “Namun Mourinho bukan pelatih yang akan *kagok*, karena pernah membawa Porto memenangi liga tersebut....”
49. “...foto jamuan makan malam dengan Sir Richard Graham yang diposting Ridwan Kamil mengundang komentar *usil* dari pembaca.”
50. Di seberang bandara, puluhan atap seng berwarna hitam, *rongsokan* mobil bak terbuka, dan beberapa potongan besi teronggok di tepi jalan.

Kata *bobrok* (=rosak; binasa) dan *bobot* (=berat sesuatu) adalah kata pinjaman daripada bahasa Jawa, manakala kata *mending* (=lebih baik) dan *kagok* (=susah; canggung; terhalang), diserap daripada bahasa Sunda. Sementara itu kata *usil* (=mengusik; mengganggu; memperolok) dan *rongsokan* (=barangan yang telah rosak atau musnah) pula, diserap daripada dialek Melayu Jakarta. Daripada contoh-contoh ini, dapat disimpulkan bahawa terdapat kata pinjaman daripada bahasa Belanda, bahasa daerah dan dialek Melayu (dialek Jakarta) dalam teks berita *Tempo.Co*. Kemunculan kosa kata pinjaman ini, menghambat pemahaman pembaca Malaysia ke atas teks berita tersebut, oleh kerana perkataan-perkataan yang dipinjam ini, tidak terdapat dalam Bahasa Melayu Malaysia, atau tidak digunakan dalam wacana tulisan di Malaysia misalnya dalam surat khabar mahupun bahan bacaan umum. Dengan kata lain, pemahaman ke atas teks Bahasa Indonesia terhambat oleh kerana makna kata pinjaman tersebut tidak diketahui oleh pembaca dari Malaysia, khususnya apabila tanpa atau belum merujuk maknanya dalam kamus Bahasa Indonesia.

## KESIMPULAN

Makalah ini telah mengupas persoalan hambatan dalam memahami Bahasa Indonesia. Bahasa Indonesia yang merupakan varian Bahasa Melayu, mempunyai perbezaan dengan Bahasa Melayu Malaysia sehingga timbul hambatan dalam memahami bahasa tersebut. Hal ini dapat dilihat dari segi hambatan dalam memahami teks yang ditulis dalam Bahasa Indonesia. Berdasarkan penelitian ke atas teks berita Bahasa Indonesia yang disiarkan dalam portal berita dalam talian *Tempo.Co* (Jun hingga Julai 2015), didapati terdapat empat aspek kebahasaan yang menimbulkan hambatan dalam memahami Bahasa Indonesia. Hambatan tersebut bertitik-tolak daripada (i) perbezaan perbendaharaan kata dalam kedua-dua bahasa, (ii) kelainan penggunaan imbuhan, (iii) kelainan akronim dan (iv) kelainan kata pinjaman. Usaha perlu dilakukan untuk meningkatkan kesalingfahaman antara kedua-dua pihak penutur bahasa demi mengelakkan Bahasa Melayu di kedua-dua negara ini semakin terpisah pada masa akan datang.

Dalam pada itu, satu persoalan yang timbul berhubung dengan isu hambatan bahasa ini, apakah pandangan pembaca kalangan warga Indonesia terhadap bahasa yang digunakan dalam portal *Tempo.Co*? Dari segi kualiti penulisan berita, akhbar keluaran PT Tempo Inti Media Harian, iaitu *Koran Tempo* pernah

dinobatkan sebagai akhbar terbaik yang menggunakan Bahasa Indonesia selama empat tahun berturut-turut (2007 hingga 2010), oleh Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional (<http://korporat.tempo.co/produk/2/koran-tempo>). *Koran Tempo* juga adalah antara akhbar yang paling berpengaruh di Indonesia (lihat Shahrul Nazmi Sannusi & Hamed Mohd Adnan, 2014). Justeru, bagaimanakah pula dengan pencapaian portal berita *Tempo.Co* dalam hal ini? Apakah *Tempo.Co* juga mencapai tahap portal berita yang baik dari segi bahasanya sebagaimana yang pernah dicapai oleh *Koran Tempo*? Persoalan ini sudah pasti memerlukan penelitian yang lebih lanjut untuk menemukan jawabannya. Tidak dinafikan bahawa menulis berita untuk ‘pembaca’ adalah antara fungsi media massa, di samping fungsi komersialnya (Siti Suriani Othman et al., 2013). Namun dalam usaha mengejar matlamat tersebut, portal berita dalam talian sama ada di Indonesia mahupun di Malaysia, seharusnya sentiasa memastikan bahawa Bahasa Melayu yang digunakan adalah varian Bahasa Melayu yang baik dan benar.

## **PENGHARGAAN**

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada David Moeljadi dari Nanyang Technological University, Singapura atas konsultasi berkaitan Bahasa Indonesia.

## **BIODATA PENULIS**

***Kartini Abd. Wahab (PhD)*** merupakan pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkhususan beliau adalah dalam bidang sintaksis. ([kartini@ukm.edu.my](mailto:kartini@ukm.edu.my)).

***Zulkifley Hamid (PhD)*** merupakan profesor di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau banyak menulis tentang linguistik Melayu sama ada yang bersifat teoritis atau aplikasi. ([zulkifley@ukm.edu.my](mailto:zulkifley@ukm.edu.my)).

## RUJUKAN

- Abdul Chaer (2007). *Linguistik umum*. Jakarta: PT Rineka Cipta.
- Adi Budiwiyanto (2012). Kontribusi kosakata bahasa daerah dalam Bahasa Indonesia. Diakses pada 15 Julai 2015: [http://badanbahasa.kemdikbud.go.id/lamanbahasa/content/kontribusi\\_kosakata-bahasa-daerah-dalam-bahasa-indonesia](http://badanbahasa.kemdikbud.go.id/lamanbahasa/content/kontribusi_kosakata-bahasa-daerah-dalam-bahasa-indonesia).
- Agata Parsidi & Roger Tol (pnyt.) (2011). *A dictionary of Indonesian abbreviations/Kamus singkatan Indonesia*. Leiden: KITLV Press.
- Collins, James T. (2007). Bahasa dan ruang di alam Melayu. Dlm. *Pemetaan Ilmu di Alam Melayu: Memperkenalkan Nusantara Timur*. James T. Collins dan Ching Sin (pynt.). Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM: Bangi: 1-20.
- Harimurti Kridalaksana. 1983. *Kamus linguistik*. Jakarta: Gramedia.
- Heah Lee Hsia. C. (1989). *The influence of English on the lexical expansion of bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hiroki Nomoto & Kartini Abd. Wahab. (2011). Konstruksi *kena* dalam Bahasa Indonesia: Perbandingan dengan Bahasa Melayu. *Linguistik Indonesia* 29 (2): 111-131.
- Kamus Dewan*. Edisi Keempat. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur.
- Mitra Tarigan. (2015). Dubes Malaysia: Orang Indonesia suka akronim. Diakses pada 30 Jun 2015 : <http://dunia.tempo.co/read/news/2014/02/18/118555228/dubes-malaysia-orang-indonesia-suka-akronim>.
- Mohd Rajib Ab. Ghani & Faridah Ibrahim. (1987). Objektiviti bahasa dalam kewartawanan. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*: 3 (1): 12 – 25.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2008. *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ketiga. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Nur Ayuni Abdullah & Nurul Imani Mustapa Kamal. (2010). Penggunaan akronim di Malaysia dan Indonesia: Satu Perbandingan. Diakses pada 29 Julai 2015: <http://drayunialwani.blogspot.com/2010/05/penggunaan-akronim-di-malaysia-dan.html>
- Ramli Md. Salleh, Sanat Nasir & Noor Ein Hj. Mohd. Noor (pnys.). (1997). *Kamus linguistik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rani Ann Balaraman & Faridah Ibrahim. (2013). Kewartawanan dari warga kepada warga: Punca kewujudan dan perkembangannya di Malaysia. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 29 (2): 175-188.
- Shahrul Nazmi Sanusi & Hamed Mohd Adnan. (2014). Kelangsungan penerbitan majalah berbahasa Melayu di Malaysia-Indonesia: Kajian terhadap majalah ulasan berita *Massa* dan *Tempo*. *Jurnal Melayu*, 13,

Disember: 29-38.

- Siti Suriani Othman, Liana Mat Nayan & Lee Kuok Tiung. (2013). Pemilihan berita dari perspektif kewartawanan media cetak di Malaysia. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 29 (2): 51-68.
- Sneddon, J. N. (1996). *Indonesian reference grammar*. St Leonards: Allen and Unwin.
- Sneddon, J. N., Adelaar, A.K., Dwi N. D., & Ewing, M. (2010) *Indonesian: A comprehensive grammar*. Edisi Kedua. London: Routledge.
- Sulaiman Masri. (1997). *Media dan komunikasi dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.
- [http://badanbahasa.kemdikbud.go.id/lamanbahasa/petunjuk\\_praktis/601](http://badanbahasa.kemdikbud.go.id/lamanbahasa/petunjuk_praktis/601)
- <http://kbbi.web.id/>
- <http://korporat.tempo.co/produk/2/koran-tempo>
- <http://prpm.dbp.gov.my/>
- <http://sealang.net/indonesia/dictionary.htm>
- [http://www.akronima.com/wiki/Halaman\\_Utama](http://www.akronima.com/wiki/Halaman_Utama)
- <http://www.bakti-arb.org/kamus.html>
- [http://www.pa-pasuruan.go.id/wp-content/uploads/2015/02/329-TV-2015\\_2.pdf](http://www.pa-pasuruan.go.id/wp-content/uploads/2015/02/329-TV-2015_2.pdf)